

22 JUL 1999
Mahathir-Universiti
KELANTAN MUNGKIN PUNYA UNIVERSITI

KOTA BAHARU, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin ada universiti yang akan didirikan di Kelantan kelak.

Perdana Menteri berkata Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM) di Kubang Kerian dekat sini mungkin boleh dijadikan pusat kepada pertumbuhan universiti berkenaan.

Beliau berkata kerajaan memang berusaha untuk mengadakan universiti di seluruh negara dan tidak hanya tertumpu di Selangor sahaja.

"Tetapi masih ada negeri yang belum mempunyai universiti seperti Negeri Sembilan dan Melaka tetapi mereka mempunyai institusi yang lain," katanya pada sesi dialog di majlis makan malam bersama dengan pegawai-pegawai agensi dan jabatan kerajaan sempena lawatannya ke Kelantan, di sini.

Beliau berkata pada mulanya kerajaan berpendapat Malaysia tidak perlu mempunyai banyak universiti kerana ia boleh menghantar para pelajarnya ke luar negara.

"Tetapi kosnya semakin lama semakin meningkat, kemudian kita adakan twin-sharing (program berkembar) yang pelajar boleh menghabiskan sebahagian masanya di sini sebelum menyambunginya di luar negeri dengan kos yang lebih murah," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata satu masalah yang dihadapi oleh kerajaan untuk mengadakan universiti ialah mendapatkan tenaga pensyarah dan profesor kerana gaji yang ditawarkan kerajaan tidak cocok dengan mereka.

Beliau berkata sekiranya mereka mengajar di universiti swasta, mereka mungkin boleh memperolehi pendapatan dua atau tiga kali ganda daripada yang ditawarkan oleh kerajaan.

"Bukan (kerajaan) tak ada duit...soal bangunan fizikal tidaklah begitu besar masalahnya tetapi apa gunanya jika tidak ada guru yang hendak mengajar," katanya.

Oleh kerana itu, Dr Mahathir berkata kerajaan kini mengubah pendekatan dengan menggalakkan pertumbuhan institusi swasta supaya mereka boleh membayar gaji yang tinggi kepada tenaga pengajar.

Dr Mahathir berkata ini kerana kerajaan tidak mungkin dapat memberikan kenaikan gaji kepada pensyarah sahaja tanpa menaikkan gaji kakitangan kerajaan yang lain.

Mengenai kaum intelek Melayu dan pelajar yang bersikap anti-kerajaan, beliau berkata ia mungkin disebabkan mereka adalah golongan yang lahir selepas kemerdekaan yang tidak tahu keperitan hidup sebelum negara mencapai kemerdekaan.

"Celik-celik mata, negeri ini sudah diperintah oleh orang Melayu dan mereka berasa mereka selamat," katanya.

Perdana Menteri berkata golongan itu juga terpengaruh dengan propaganda barat mengenai hak asasi manusia yang kononnya mereka tetap akan selamat walaupun negara tidak diperintah oleh orang Melayu.

Katanya golongan itu juga sudah dihasut supaya tidak bersyukur sejak dari kecil iaitu semasa di tadika hingga ke peringkat universiti, dan apabila tamat pengajian dan menyertai bidang pekerjaan seperti doktor, jurutera dan peguam, mereka menyertai golongan yang menentang kerajaan.

Beliau berkata kerajaan turut bersalah kerana tidak berusaha mendekati golongan pelajar dengan alasan tidak mahu mengganggu pelajaran mereka tetapi pada masa yang sama, pihak pembangkang sanggup ke Amerika Syarikat dan kampus-kampus untuk mempengaruhi mereka.

-- BERNAMA

KHY NAK